

Pertikain politik segitiga di Selangor

Oleh PENULIS KHAS

Jelas terukit penghidupannya jauh ketinggalan dalam semua bidang berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Inilah yang ditegaskan oleh pemimpin Umno itu.

Mengikat orang kuat Berjasa di kawasan Selangor pula (namanya tidak dizinkan untuk siaran) beliau amat faham dengan permain politik kotor dalam Pas bermula pada tahun 1971 lagi, kerana beliau sendiri pernah menjadi ahli Pas. Beliau telah "muak" dengan dakwaan tentang "kejerminhan" perjuangannya Pas yang dilayangkan oleh para penceramah Pas.

Katanya, dalam setiap mesyuarat agung (muktamar) Pas, kecacuan dalam parti sudah tal-tal-tal dan berbelli-belli semenjak sebelum pilihannya umum tahun 1969 lagi. "Inilah kehendak agama Islam sejati yang diredal oleh Allah!" ujarnya.

Sudah tentu isu-isu seperti keupayaan parti untuk membawa pembangunan, menaikkan taraf hidup rakyat atau menegakkan syiar Islam dengan ajaran agama yang tulen amat penting di dalam oleh pengundi. Tetapi adakah itu saja-isu yang penting kepada pengundi?

Peribadi

Di zaman pemerintahan Mahathir ini, kerajaan lebih mementingkan unsur-unsur Bersih, Cekap dan Amanah dalam pentadbiran. Amalan umur-unsur ini di segenap lapisan masyarakat sudah tentu diperhatikan, kerana ketiga-tiga juzuk itu sememangnya dihendaki dan disokong penuh oleh penduduk-penduduk di DUN Kelantan kawasan Selangor, yang dalam hal itu tidak berbeza dengan rakyat Malaysia di tempat-tempat lain.

Sudah tentu mereka ingin melihatnya di dalam oleh calon-calon yang bertanding dalam pilihanraya kecil ini. Bila seseorang calon yang ditetakkan oleh seseorang parti

politik yang bertanding di Selangor lebih memintingkan untuk menokok-tambah isi ru-mahtangannya sahaja, misalnya, sudah pasti lah pengundi-pengundi di Selangor akan menolaknya. Jadi tidak hairanlah kalau isu-isu peribadi juga mendapat tempat, sedikit sebanyak, dalam kesibukan berkempen.

Sejauh mana kempen dapat memengaruhi pengundi? Pengundi-pengundi yang umurnya ke atas daripada 60 tahun rasanya tetap berpegang teguh kepada kemahumannya sahaja — susah untuk dibawa mengikuti pembaharuan. Namun begitu, jumlahnya tidak seberapa ramai yang ada dan sanggup keluar mengundi.

Strategi

Pengundi-pengundi yang paling sukar untuk ditipu adalah yang usianya antara 21 tahun sehingga 40 tahun. Pengundi-pengundi di peringkat ini kebanyakannya berpengalaman, pernah menemuphi kekecewaan dalam mengemis rezeki dan rata-ratanya berpelajaran sekarang-lurangnya darjah enam sekolah Melayu. Biasanya, apa yang dijanjikan dalam pilihanraya tidak dikotakan dengan seratus peratus kerana beliau telah dapat mengenal anggota tubuh seseorang calon itu daripada pengamatan hariannya.

Jadi nampaknya calon-calon terpaksa menghadapi para pengundi yang tidak mudah menerima butai-butai apa yang disokongkan.

Kalau BN berusaha menerangkan kejayaannya di Kelantan dan apa-apa kemajuan yang akan dibawa ke Selangor pada masa depan, Hamim pula nampaknya lebih senang dengan strategi "memperkenalkan" dirinya melalui sorotan kembali sebab-sebab mengapa ia ditubuhkan.

Datuk Haji Mohammad Asri Haji Muda, presiden parti Hamim, dalam ceramahnya di pos kedai Selangor menyatakan bahawa perpecahan sesama sendiri (sama-sama bangsa Melayu beragama Islam) sudah pasti akan mengurangkan kekuatan umat Islam di negara ini dan mungkin mengugat

Pemilihan adalah hak rakyat di dalam sebuah negara demokrasi. Sesiapa yang menang adalah wakil bagi seluruh rakyat, dan perkara bermasam muka jangan sama sekali dipanjangkan.

keutuhan politik orang-orang Islam sendiri. Beliau berkata, kejahatan orang-orang muda Pas yang membawa isu-isu yang bukan kehendak Islam sebenarnya, ingin memecah belah anak bangsanya dan tidak sanggup mengadakan kerwanaan sesama Islam semata-mata kerana orang lain tidak mengikut rupa bentuk anutan ideologi Pas, menyebabkan "saya dengan sukarela meninggalkan Pas dan menubuhkan parti Hamim".

Walaupun Hamim mulai pandai merangkai dalam usulanya yang semula itu, tetapi pemimpin-pemimpinnya telah lama dalam perkembangan politik tanahair. Kesanggupan parti muda yang ingin berjaya adalah sebagai cabaran juga kepada pemimpin-pemimpin parti-parti yang lebih tua.

Hamim dan BN di Selangor tidak kecampaing-mengcampai, malah berbaik-baik dan bekerjasama melawan Pas. Adakah "persahabatan" ini akan berkekalkan tidak dapat ditengguh buat masa ini.

Sewaktu kempen-kempen berjalan, pemimpin-pemimpin Hamim menjelaskan dan menanya kepada pengundi-pengundi di Selangor tentang masa pemerintahan orang Hamim yang berada dalam Pas selama Pas menguasai Kelantan. Adakah timbul perkara lain kafir kepada penyokong-penyokong BN (tampa mengira Umno dan Berjasa)? Bukankah hanya setelah Berjasa dan Hamim ditubuhkan baharulah perkataan-perkataan mengafirkan orang-orang Islam di luar Pas semakin ligat berpusing-pusing di Kelantan

dan di Terengganu?

Strategi Pas nampaknya lebih baik tidak menjawab soalan-soalan rumit seperti itu. Pas lebih senang menyebarkan bahawa calon-calon di Selangor itu adalah anak tempatan jati. "Tingkah laku calonnya adalah suka bergadai dan mengambil tahu tentang kemahuan rakyat setempatnya. Orangraya tidak sombong, tidak berlagak dan tidak mengira siapa sahaja yang memerlukan bantuan moralnya beliau akan memberi sokongan. Beliau tidak mengingini sekiranya rakyat di kawasanya selalu berpecah-belah dan hidup dengan huru-hara. Bahkan Yang Dipertua Pas kawasan Pasir Puteh, Enock Musa Salleh merasa yakin bahawa "bulan akan pernah" selepas 8 September ini di Selangor.

Pampasan

Dalam masa kempen pilihanraya di DUN Kelantan kawasan Selangor, orang-orang kuat Pas tidak ada membuat janji-janji pembangunan yang besar-besar. Malah apa yang hendak dijanjikan? Tetapi kadangkala isu-isu di Kemuning diserap ke Selangor, mengatikan segala wang pampasan pengambilan tanah oleh Kerajaan Kelantan (sejak BN memerintah) untuk tapak perindustrian telah dikenakan cukai sehingga 40 peratus. Takut-tanah itu kononnya digadangkan ke bangsa-bangsa asing untuk menjalankan perniagaan. Mek-mek dan awang-awang diberi kerja di kilang kilang yang bakal diadatkan. Minah-minah kurukan pasti wujud dan anak-anak di luar nikah akan dibaringkan di tepi-tepi parit atau di dalam tong-tong kawasan kilang itu. Begitu bunyinya kempen Pas.

Kalau calon BN di Selangor pernah berjanji, sekiranya rakyat di Selangor memberi kepercayaan kepadanya untuk mewakili ke DUN Kelantan selepas 8 September ini, segala projek-projek terbengkalai akan terus dilaksanakan, tetapi Pas terpaksa menubuhkan tuduhan bahawa Barisan Nasional semata-mata mementingkan kebendaan saingan.

Barisan Nasional juga bersia untuk menangkis kempen-kempen daripada orang-orang Pas yang datang bersekutu dengan tuan-tuan rumah, berjubah pula, memberikan tentang azab neraka yang akan dialami oleh umat Islam sekiranya mereka memangkah dacing simbol BN. Inilah dijanjikan selok-belok terakhir pihak Pas di saat-saat menjelang 8 September kerana pejuang-pejuang telah lemah dan tidak berupaya menangkis "mortar-mortar" daripada BN.

Merantau

Penyertaan Hamim sebenarnya menyulitkan pas. Itulah sebabnya mereka menyulitkan Hamim diperalatkan oleh Umno. Sebaliknya pihak Barisan mengangap Hamim tidak membawa apa-apa kesan. Kemasukan calon Hamim di Selangor dianggap "mencuba nasibnya" sahaja. Dan sememangnya gempur daripada Hamim tidaklah serluh-tendah kempen-kempen BN dan Pas.

Pada umumnya rakyat-pada pengundi di DUN Kelantan kawasan Selangor mempunyai pendidikan, pengalaman dan pernah reka dapat menilai daripada kawasannya. Mereka sama ada berdasarkan seseorang calon atau calon atau parti atau wakil yang wakil itu "tidak baik" pada pandangan umum, menolaknya walaupun partinya "baik". Banyak seorang calon saja yang akan mewakili rakyat Selangor jikalau lupa pula memberi khidmat kepada semua rakyat orang yang tidak mengundinya. Perbalahan selepas pengundian hendaklah diketepikan sebelum kemenangan mana-mana calon diumumkan.

Pemilihan adalah hak rakyat di dalam sebuah negara demokrasi. Sesiapa yang menang adalah wakil bagi seluruh rakyat, dan perkara bermasam muka jangan sama sekali di panjangkan.

Acah-acah aje

MAS punya sahabat baik pula, Bakar Hamzah, khabarnya mahu dipecah oleh Pas.

Mas tahu benar Bakar Hamzah. Salah satu sifatnya, dia tidak mudah tunduk kepada gertak atau ugutan.

— Mas Kaleng —
(sahabat lama)

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia